

21 JUL 1997

Mahathir-Makanan

KEADAH BARU PENYAJIAN MAKANAN MENUJU ERA NEGARA MAJU

Oleh: Zainoor Sulaiman

OKAYAMA, Jepun 21 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan meminta pihak-pihak berkuasa persekutuan dan negeri mengambil pendekatan baru dalam penyajian makanan secara besar-besaran bagi menampung bilangan penduduk yang semakin meningkat, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Penyediaan tempat makan yang bersih dengan harga makanan yang berpatutan pasti dapat menarik perhatian orang ramai daripada mengunjungi warung-warung yang kotor, kata Perdana Menteri kepada wartawan Malaysia di sini, sehari sebelum mengakhiri percutiannya selama dua bulan di luar negara.

Dr. Mahathir yang kini dalam lawatan "percutian" sambil bekerja selama tujuh hari ke Jepun berkata beliau telah melawat dapur dan restoran di sini untuk melihat bagaimana pengusaha makanan Jepun dapat menyediakan 12,000 kotak makanan pelbagai jenis empat jam sebelum disajikan.

Konsep yang sama boleh diamalkan di Malaysia di mana makanan kegemaran ramai seperti nasi lemak dapat disediakan secara besar-besaran dengan mutunya terkawal, harga berpatutan dan rasanya lebih lazat, katanya.

Beliau berkata rakyat harus mengubah cara hidup secara beransur-ansur seiring dengan kemajuan pesat negara.

"Kita tidak boleh menyambut tahun 2000, 2500 dengan masih lagi duduk (makan) ditepi jalan di warung berbumbungkan plastik dengan bau longkang yang busuk," katanya.

"Ini adalah seperti orang yang tidak maju," tambahnya.

Perdana Menteri berharap semua pihak termasuk media akan membantu kerajaan untuk menggalakkan mesyarakat mengubah sikap dan pandangan mereka dalam mempersiapkan diri untuk menghadapi era negara maju.

"Kita sudah separuh maju tetapi kita hendak hidup dan bekerja dengan cara lama dan ini memang tidak sesuai lagi," katanya.

Dr. Mahathir berkata beliau kagum dengan Jepun kerana meskipun ia sebuah negara maju kesemua pekerja adalah terdiri daripada rakyat sendiri kerana cara pengurusan gunatenaganya yang cekap.

"Penduduk Malaysia meskipun tidak seramai negeri Jepun tetapi telah meningkat kepada 20 juta tetapi menghadapi kekurangan pekerja" katanya.

"Kalau kita tidak mahu menukar cara kita bekerja, kita akan dibanjiri oleh pekerja asing (yang kini sudah melebihi 1.7 juta orang)," katanya.

Di England, katanya, sebuah ladang seluas 6,000 ekar mampu dikendalikan oleh lapan orang pekerja tetapi di Malaysia tiga pekerja diperlukan untuk mengerjakan tanah seluas 4 ekar.

Dr. Mahathir hari ini melawat Makmal Biokimia Hayashibara, 50 km dari sini, untuk melihat produksi Interferon (IFN) sejenis bahan bioaktif yang digunakan untuk rawatan barah dan penyakit virus.

Makmal berteknologi tinggi itu mengeluarkan kira 60 gram IFN setahun dengan perbelanjaan ratusan juta ringgit yang dijual kepada syarikat pengeluar ubat di dalam dan luar negeri dengan nilai US\$600 juta.

Makmal itu menunjukkan betapa tingginya teknologi dan modal perusahaan itu tetapi menggunakan tenaga pekerja yang sedikit iaitu 60 orang saja.

Beliau berkata Malaysia bercadang meningkatkan kerjasama dengan Makmal itu dengan menghantar pegawai dan pelajar peringkat doktorat (PHD) untuk menjalani latihan dan mengadakan penyelidikan di situ.

Dr. Mahathir yang diiringi oleh Datu Seri Dr. Siti Hasmah akan berlepas pulang esok. -- BERNAMA

ZS WAT

